

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JMK 316 – Sastera Rakyat: Teori, Metodologi dan Analisis**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Bahagian A wajib dijawab. Jawab Tiga (3) soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

**Bahagian: A (Wajib)**

1. Teori-teori di bawah telah meletakkan sastera rakyat mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Bincangkan dua (2) daripada teori tiga (3) sastera rakyat di bawah dan berikan contoh-contoh yang berkaitan daripada sastera rakyat Nusantara.

- (a) Teori Formula-Lisan (*Oral-Formulaic*)
- (b) Teori Fungsional (*Functional*)
- (c) Teori Dokumen Budaya (*Cultural Document*)

(25 markah)

**Bahagian B: Jawab 3 (Tiga) soalan sahaja.**

2. Berdasarkan teori Formula Lisan (*Oral-Formulaic*) terdapat beberapa aspek yang dapat meletakkan penglipur lara sebagai “Genius Story-Teller”. Bincangkan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

3. Anda ditugaskan membuat satu kerja lapangan untuk mengumpul cerita-cerita rakyat di lokasi tertentu. Bincangkan kaedah dan permasalahan tersebut.

(25 markah)

4. Berdasarkan cerita lipur lara Melayu *Hikayat Anggun Che Tunggal*, sejauh manakah karya ini memperlihatkan peranan sebagai penglipur lara maritim.

(25 markah)

5. “WA-BIHI NASTA’INU BI’LLAHI. Ini-lah hikayat orang dahulu-kala. Al-kisah, maka adalah sebuah bernama Benua Tua, maka rajanya bernama Sultan Degar Alam, chukup dengan menteri, hulubalang, sida-sida bentara, terlalu banyak lashka, tiada terpermanai banyak ra’yat tentera-nya”.

Berdasarkan petikan ini, jelaskan lipur lara *Hikayat Raja Muda* dalam menceritakan bahawa karya ini lahir dalam budaya rakyat silam.

(25 markah)

6. Sebahagian daripada cerita rakyat, cerita mitos memaparkan unsur-unsur kepercayaan masyarakat Melayu pada masa silam. Bincangkan dengan merujuk contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)